



UNTUK SIARAN SEGERA

## **SME CORP. MALAYSIA DORONG PKS TEROKAI PASARAN LUAR MELALUI PROGRAM GALAKAN EKSPORT BUMIPUTERA**

---

**Kuala Lumpur, 21 April 2016 –** YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya hari ini. Program GEB yang akan dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia ini membuktikan Kerajaan kekal komited memastikan pembinaan kapasiti di kalangan usahawan Bumiputera diperkasa agar mereka dapat bersaing di luar negara. Program ini juga dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA), MATRADE dan Exim Bank serta penglibatan secara langsung daripada Persatuan dan Dewan Perniagaan Bumiputera.

Program ini bertujuan membantu meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat pra-eksport perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang layak untuk menembusi pasaran luar. Di samping itu, Kerajaan juga berharap agar Program GEB ini mampu mewujudkan rantaian dan bekalan perniagaan yang lebih berdaya saing di kalangan PKS Bumiputera. Langkah ini dilihat mampu bertindak sebagai pemangkin kepada penglibatan PKS Bumiputera untuk merebut peluang memperluaskan pasaran di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

Program GEB ini juga dilihat lebih komprehensif dengan penglibatan daripada Persatuan dan Dewan Perniagaan Bumiputera di dalam mengenalpasti ahli-ahli di bawah naungan mereka yang mempunyai potensi untuk melebarkan sayap ke pasaran luar. SME Corp. Malaysia, MARA serta Persatuan dan Dewan Perniagaan Bumiputera ini akan bersama-sama memantau perkembangan syarikat khususnya

selepas mendapat bantuan bagi memastikan keberhasilan pencapaian sasaran yang telah ditetapkan.

Sebanyak 400 syarikat PKS Bumiputera disasarkan dapat ditingkatkan keupayaan eksport mereka sehingga tahun 2020 dan setiap syarikat disasarkan mampu menembusi 2 pasaran negara baharu dengan nilai jualan eksport meningkat sebanyak 25% selepas 3 tahun. Bantuan diberikan dalam bentuk pembiayaan kewangan yang meliputi komponen seperti peningkatan pembungkusan, pensijilan dan pengurusan sistem kualiti serta pembangunan dan inovasi produk bagi peningkatan kapasiti dan keupayaan PKS Bumiputera. Latihan juga akan diberikan kepada syarikat yang berpotensi khusus untuk memberi pendedahan mengenai maklumat dan keperluan bagi menembusi pasaran negara tertentu.

Majlis Pelancaran Program GEB ini turut diserikan dengan Upacara Pertukaran Memorandum Persefahaman di antara SME Corp. Malaysia, MARA dan 8 Persatuan / Dewan Perniagaan yang disaksikan oleh YAB Perdana Menteri. Turut hadir ialah YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YBhg. Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid, Pengurus SME Corp. Malaysia, YBhg. Dato' (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia dan juga Pengurus serta wakil daripada Persatuan dan Dewan Perniagaan. Permohonan bagi kumpulan pertama akan dibuka sehingga 30 Mei 2016 yang mensasarkan 40 permohonan diterima daripada PKS Bumiputera melalui Persatuan atau Dewan Perniagaan Bumiputera.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Reza Kamal Ramli di 03-2775 6258 ([reza@smecorp.gov.my](mailto:reza@smecorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)).

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

e-mail: info@smecorp.gov.my

### **SME CORP. MALAYSIA**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.